

Meninjau Kemahiran Insaniah Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Dalam Kerjaya

Kamalularifin Subari,* Maliani Mohamad, Nor Fadila Mohd Amin, Asnul Dahar Minghat, Sarimah Ismail, Yusri Kamin

^a Department of Educational Technical dan Engineering,
Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia

*Corresponding author : Maliani Mohammad

Abstrak

Matlamat utama dalam pendidikan Negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, fizikal dan sosial. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan bukan sahaja perlu difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran domain kognitif, efektif dan psikomotor sahaja malah Kemahiran Insaniah juga sangat penting bagi pembentukan insan yang seimbang seperti yang dihasratkan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau tahap Kemahiran Insaniah pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) dalam kerjaya. Antara Kemahiran Insaniah yang dikaji ialah kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan. Seramai 112 pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Hulu Langat telah dipilih sebagai responden kajian ini. Instrumen kajian adalah menggunakan kaedah soal selidik skala Likert tiga mata. Soal selidik telah digunakan dalam proses pengumpulan data dan hasilnya dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Package of the Social Sciences" (SPSS) version 16.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan elemen Kemahiran Insaniah bagi komunikasi berada pada tahap sederhana manakala elemen kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan pada tahap tinggi. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi memudahkan kajian lanjutan

Kata kunci: Kemahiran Insaniah, kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan

PENGENALAN

Fenomena pengangguran di kalangan pelajar Malaysia sudah menjadi satu perkara yang membimbangkan sejak kebelakangan ini, yang antara lain berpunca daripada lambakan tenaga buruh yang berkelulusan ijazah, diploma dan sijil. Masalah pengangguran ini bukan sahaja berlaku Malaysia malah di kebanyakan negara membangun seperti Filipina, Indonesia, India, dan negara maju seperti Britian dan Amerika Syarikat turut mengalaminya (International Labour Organization, 2009). Jelaslah, pelajar berhadapan dengan pelbagai persaingan, baik dari segi kualiti akademik, kemahiran, latihan, keterampilan dan sebagainya yang semakin mendesak. Berdasarkan kajian oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara - *Study on the Unemployment Situation in Malaysia 2003* terdapat beberapa punca pengangguran, antaranya, ialah kekurangan latihan sebagai persediaan memasuki alam kerjaya, kurangnya kualiti dan kebolegunaan tenaga dan kekurangan kemahiran dalam aspek-aspek tertentu seperti kemahiran berkomunikasi.

Pengangguran pelajar ini juga berkemungkinan boleh berlaku disebabkan oleh banyak faktor lain. Contohnya, pihak majikan terlalu mementingkan pengalaman kerja dan kemahiran yang mana kriteria tersebut tidak dapat dipenuhi oleh pelajar yang baru sahaja tamat pengajian. Faktor-faktor lain mungkin juga disebabkan oleh sikap pelajar itu sendiri yang terlalu memilih pekerjaan, kerja yang ditawarkan tidak sesuai, tanggungjawab terhadap keluarga, dan kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan).

Selain itu, pencapaian dalam bidang akademik semata-mata tidak boleh menjamin seseorang pelajar itu memperolehi pekerjaan. Banyak lagi aspek lain yang dipentingkan oleh majikan yang perlu diberi perhatian. Hal ini kerana setiap pelajar dinilai dalam pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik cemerlang, mereka perlu mempunyai Kemahiran Insaniah yang tinggi termasuk komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan.

LATAR BELAKANG MASALAH

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, telah menyediakan beberapa buah institusi kemahiran bagi memenuhi permintaan sumber tenaga manusia yang dikehendaki. Disamping itu, ia juga dapat menyediakan para pelatih untuk mendapatkan latihan kemahiran bagi memudahkan mereka memasuki bidang pekerjaan tertentu. Institusi-institusi yang terlibat adalah seperti Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Giat Mara dan sebagainya. Sebagai sebuah institusi kemahiran ianya merupakan salah sebuah institusi yang telah dipertanggungjawabkan untuk melatih para pelatih dalam bidang kemahiran tertentu dan bertanggungjawab terhadap pembangunan sumber manusia sejajar dengan matlamat penubuhannya.

Setiap tahun institusi kemahiran di Malaysia mengeluarkan ratusan pelatih yang ingin memasuki pasaran pekerjaan. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah pengangguran pelatih meningkat setiap tahun. Terdapat banyak punca yang menyebabkan peningkatan pengangguran ini, antaranya ialah kurangnya kemahiran dalam menempuhi alam pekerjaan. Kebanyakan pelatih hanya mementingkan akademik semasa belajar mereka berfikir bahawa dengan pencapaian akademik yang cemerlang membolehkan untuk mendapat peluang pekerjaan dengan cepat. Anggapan ini adalah salah kerana kebanyakan sektor industri pekerjaan lebih mementingkan kemahiran lain berbanding dengan pencapaian akademik yang tinggi.

Umumnya, pekerjaan merupakan sesuatu keperluan bagi setiap individu untuk menyara kehidupan. Dengan adanya pekerjaan, terutamanya kepada pelatih lepasan institusi kemahiran, menjadikan latihan yang diperolehi semasa di pusat latihan dapat memberikan faedah kepada kehidupan mereka. Dalam keadaan bagi mendapatkan kerja pula timbulnya isu berhubung pelatih yang berkait rapat dengan fenomena pengangguran dalam kalangan pelatih pada masa ini. Masalah pelatih menganggur merupakan suatu isu yang memberi cabaran besar terhadap perkembangan semasa pendidikan Negara. Walaupun jumlah mereka yang menganggur tidak dapat dipastikan secara mutlak, namun anggaran tidak rasmi menunjukkan jumlahnya mencecah seramai 60 ribu orang atau 11 peratus daripada jumlah yang menganggur (MTEN 2001; Ishak Yussof et al 2004; Zulkifly Osman & Ishak Yussof 2005; Utusan Malaysia 2005a; Utusan Malaysia 2005b).

Majikan hari ini terlalu memilih pekerja. Faktor ini berlaku kerana setiap majikan pasti mementingkan kaedah melancarkan produktiviti dan kualiti bagi syarikat mereka, maka secara tidak langsung pemilihan pekerja adalah ketat. Bagi pelatih yang hanya cemerlang di dalam akademik semata-mata, mereka seharusnya sedar dan risau untuk meneroka alam pekerjaan kelak. Menurut Lange dan Technicon (2000) telah menyatakan bahawa majikan menggunakan penguasaan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, memiliki ciri-ciri kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan memiliki lain-lain Kemahiran Insaniah sebagai asas dalam pengambilan pelatih untuk bekerja dalam institusi atau syarikat mereka. Oleh itu, sewajarnya pelajar didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran yang berkaitan dengan keperluan industri.

Sehubungan dengan itu, banyak kajian-kajian yang dilakukan untuk mengetahui tahap pelajar dalam Kemahiran Insaniah. Menurut kajian yang dilakukan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADE) UPM mendapati isu-isu berkaitan dengan Kemahiran Insaniah berada di tangga ke sepuluh semasa sesi temuduga dijalankan berbanding dengan isu berkaitan akademik yang berada di tangga ke lapan belas (Mohamad Shatar dan Azali Mohamad, 2008). Ini menunjukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan Kemahiran Insaniah pelajar perlu diberi perhatian yang serius.

Kajian mengenai Kemahiran Insaniah pelatih adalah sangat penting kerana ianya dapat memberi banyak faedah bukan sahaja kepada institusi di Malaysia tetapi juga di kalangan pelatih sendiri. Antara faktor kritikal yang boleh mempengaruhi peluang untuk mendapatkan pekerjaan termasuklah tahap kualiti pendidikan, kesediaan majikan untuk mengambil pelatih tempatan, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia dan kualiti pelatih itu sendiri. Apa yang dapat diperhatikan sekarang majikan masa kini, menilai para pelatih melalui pengalaman program yang diikutinya sebelum ini. Adakah program yang diikuti itu tadi menggunakan tempoh masa yang bersesuaian dan mempunyai latihan praktikal yang mencukupi? Selain itu juga kebanyakan industri pekerjaan menilai pelatih bukan semata-mata pada akademiknya tetapi sejauh manakah tahap kemahiran yang dimiliki oleh pelatih sekiranya melakukan sesuatu pekerjaan.

Kajian mengenai Kemahiran Insaniah pelajar pada masa kini adalah sangat penting kerana ianya dapat memberi banyak faedah bukan sahaja kepada institusi pengajian tempatan di Malaysia malahan Institusi Kemahiran turut terlibat dalam masalah ini. Persaingan di antara graduan IPTA dengan pelatih Institusi Kemahiran dalam mendapatkan pekerjaan begitu sengit. Keadaan inilah memberi peluang kepada industri pekerjaan dalam memilih tenaga kerja yang memenuhi kehendaknya. Jika dilihat dalam industri pekerjaan pula, majikan pascamoden masa kini bijak memilih pelatih pelbagai kemahiran (multi-skilled), mempunyai ciri kepimpinan dan berpengetahuan dalam disiplin. Pelajar yang berpotensi dan mahir dalam teknologi maklumat, inovatif serta kreatif menjadi keutamaan. Oleh itu, dalam melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran kurikulum mestilah lebih menyeluruh dan mengikut perkembangan teknologi semasa supaya tenaga kerja yang dididik berkebolehan dan berkemahiran untuk bersaing di arena pekerjaan pada masa akan datang.

Di samping itu juga, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa antara masalah lain yang menyebabkan pelatih sukar mendapat pekerjaan ialah faktor berkaitan dengan bidang kursus dan tingkat kemahiran yang dimiliki. Apa yang dapat diperhatikan sekarang ialah pelatih hanya mahu mendapatkan kerja yang berkaitan dengan kemahiran yang dimiliki sahaja, keadaan ini yang menyebabkan timbulnya isu pengangguran. Sebagai pelatih seharusnya mereka berusaha mencuba atau menceburi pelbagai pekerjaan. Secara perlahan seseorang itu mampu menanam sifat yakin diri disamping menambahkan kemahiran kerja. Melaluinya juga pelatih akan memperolehi pelbagai pengalaman dan pendedahan di alam pekerjaan.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam diri pelajar adalah sangat penting bagi memastikan tercapainya tahap kemajuan Negara. Menurut *Wikipedia*, Kemahiran Insaniah atau diistilahkan sebagai *soft skills* merujuk kepada istilah sosiologi yang merujuk kepada ciri-ciri keperibadian, daya tarik sosial, kemampuan berbahasa, norma peribadi, sikap kepekaan serta sikap optimis seseorang. Sistem pendidikan Negara amnya, Institusi Latihan Perindustrian (ILP) khususnya memainkan peranan dalam menyebarkan Kemahiran Insaniah dalam kurikulum terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran pembelajaran dilihat sebagai medium pengajaran dan pembelajaran yang mampu menerapkan Kemahiran Insaniah terhadap pelatih. Kerjasama antara pengajar, ibu bapa dan Institusi Latihan Perindustrian (ILP) diperlukan untuk menyediakan persekitaran yang dapat menerapkan Kemahiran Insaniah terhadap pelatih. Dalam kajian ini berkaitan dengan Kemahiran Insaniah hanya tertumpu kepada empat kemahiran antaranya ialah kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan. Keempat-empat kemahiran ini sangat penting dalam mengeluarkan pelatih yang memenuhi kehendak pasaran pekerjaan pada masa sekarang. Menurut (Quak, 2005) pelatih perlu menguasai ciri pekerja yang diperlukan oleh majikan era globalisasi serta mempunyai kesanggupan untuk belajar sepanjang hayat dan mempunyai etika kerja yang positif.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat empat objektif kajian bagi kajian ini iaitu:

- i) Mengenalpasti kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelatih sebagai persediaan menempuhi alam pekerjaan.
- ii) Mengenalpasti kemahiran menyelesaikan masalah yang digunakan oleh pelatih dalam menyelesaikan sesuatu perkara.
- iii) Mengenalpasti kemahiran keusahawanan yang ada pada pelatih sebagai persediaan menempuhi alam pekerjaan.
- iv) Mengenalpasti kemahiran kepimpinan yang diamalkan oleh pelatih dalam menghadapi alam pekerjaan.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat empat persoalan kajian bagi kajian yang dijalankan iaitu:

- i) Apakah kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelatih dalam menempuhi alam pekerjaan?
- ii) Apakah kemahiran yang digunakan oleh pelatih dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi?
- iii) Apakah kemahiran keusahawanan yang ada pada pelatih?
- iv) Apakah kemahiran kepimpinan yang diamalkan oleh pelatih dalam membantu mereka menghadapi alam pekerjaan?

METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap kemahiran insaniah pelatih institusi Latihan Perindustrian (ILP) dalam kerjaya. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian tinjauan deskriptif berbentuk kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik. Kaedah ini merupakan kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian tingkahlaku mereka. Selain itu, dengan menggunakan kaedah ini penyelidik dapat mengumpul data dengan lebih mudah dan sesuai dengan responden dalam kajian ini.

Sampel kajian adalah daripada pelatih semester 4 di Institusi Latihan Perindustrian (ILP) Hulu Langat iaitu seramai 112 orang tidak termasuk yang sedang menjalani *on job training* daripada pelbagai kursus sijil bagi sesi 2012/2013. Sampel yang dipilih adalah berdasarkan batasan ke atas aspek-aspek seperti jantina dan juga kursus pengajian.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden iaitu berkaitan jantina dan bangsa. Manakala bahagian B pula mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dijalankan iaitu merangkumi elemen Kemahiran Insaniah yang mengandungi 40 item soalan iaitu kemahiran komunikasi, menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan di kalangan pelatih ILP Hulu Langat.



Kesemua item dalam bahagian B ini adalah mengikut kaedah skala Likert, dengan lima pilihan jawapan yang disusun mengikut kadar persetujuan terhadap kenyataan item. Menurut Azizi Yahya (2007), kaedah skala Likert menghasilkan lebih banyak skala sama jenis dan meningkatkan kemungkinan satu unit sikap diukur dan ini dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan skala Likert yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pernyataan Skor Dan Skala Likert Yang Digunakan Bagi Setiap Item Di Dalam Soal Selidik

Skor	Paras Persetujuan
5	Sangat setuju (SS)
4	Setuju (S)
3	Tidak pasti (TP)
2	Tidak setuju (TS)
1	Sangat tidak setuju (STS)

Dalam menganalisis data penyelidik bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A membincangkan data-data peribadi responden dengan menggunakan kaedah kekerapan dan peratusan. Bagi bahagian B pula, pengkaji membincangkan item-item yang menjawab persoalan kajian sama ada berada pada tahap rendah, sederhana ataupun tinggi. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis item pada soal selidik bagi mendapatkan nilai min, peratus dan kekerapan. Penyelidik menggunakan skala Likert Lima peringkat pada soal selidik tetapi bagi memudahkan tujuan analisis, penyelidik meringkaskan item kepada skala Likert tiga peringkat. Jadual 2 berikut merupakan kaedah pengiraan yang penyelidik lakukan untuk membahagikan skala Likert lima kepada skala Likert tiga:

Jadual 2: Skala Likert Lima Mata Kepada Tiga Mata

Skala Likert (Lima Mata)	Skala Penyelidik (Tiga Mata)	Pengiraan Perbezaan
		$\frac{5 - 1}{3} = 1.33$

Seterusnya, nilai min yang diperolehi akan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Ini dapat ditunjukkan seperti dalam Jadual 3. Nilai min yang diperolehi akan dibahagikan kepada tiga tahap iaitu rendah (1.0 – 2.33), sederhana (2.34 – 3.67) dan tinggi (3.68 – 5.0). Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 3: Taburan Nilai Min Mengikut Tahap

Nilai Min	Tahap
1.0 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.0	Tinggi

Skor min juga digunakan untuk keempat-empat persoalan kajian iaitu untuk menentukan tahap kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelatih Institusi Latihan Perindustrian (ILP). Sekiranya skor min berada pada tahap yang rendah dan sederhana ianya akan dianggap masalah.

HASIL DAN PENCAPAIAN

Penganalisan data dilakukan terhadap setiap item soalan yang terdapat di dalam set soal selidik dengan menggunakan perisian komputer (SPSS) *Statistical Packages For The Social Sciences versi 16.0* bagi mendapatkan nilai kekerapan (*f*), min serta nilai peratusan (%) bagi setiap item soalan kajian. Penganalisan data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis Bahagian A dan analisis Bahagian B. Pembolehubah yang dikaji adalah meninjau tahap Kemahiran Insaniah pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) Hulu Langat dalam kerjaya.

Jadual 4 menunjukkan jumlah kekerapan dan peratusan dalam item jantina. Berdasarkan Jadual 4, didapati responden yang terlibat dalam kajian adalah terdiri daripada 88 prang pelajar lelaki (78.6%) dan 24 orang pelajar perempuan (21.4%). Ini menunjukkan majoriti responden adalah dari kalangan pelajar lelaki.

Jadual 4: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	88	78.6
Perempuan	24	21.4
Jumlah	112	100

Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Didapati bahawa pelatih Melayu seramai 98 orang (87.5%), pelatih Cina 11 orang (9.8%) dan pelatih India 3 orang (2.7%). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah dari kalangan pelatih-pelatih Melayu.

Jadual 5: Taburan responden mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	98	87.5
Cina	11	9.8
India	3	2.7
Lain-lain	-	-
Jumlah	112	100

Bagi analisis bahagian B pula menumpukan kepada respon responden terhadap item-item bagi soalan soal selidik yang mengandungi analisis berkaitan tahap Kemahiran Insaniah pelatih dalam menempuhi alam pekerjaan. Bahagian B mengandungi 40 soalan kajian yang dibina berdasarkan kepada persoalan kajian. Penggunaan Skala Likert 3 (tiga) alternatif tetap telah digunakan bagi membantu mentafsir data-data yang diperolehi. Maklumat yang diperolehi telah dianalisis dan diterjemahkan dalam bentuk nilai min, peratusan dan kekerapan bagi setiap item. Berikut adalah persoalan kajian bahagian B:

- Apakah kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelatih dalam menempuhi alam pekerjaan?
- Apakah kemahiran yang digunakan oleh pelatih dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi?
- Apakah kemahiran keusahawanan yang ada pada pelatih?
- Apakah kemahiran kepimpinan yang diamalkan oleh pelatih dalam membantu mereka menghadapi alam pekerjaan?

Jadual 6: Analisis taburan min keseluruhan bagi Tahap Kemahiran Insaniah Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) dalam Kerjaya.

Bil	Item	Min	Tahap
1	Kemahiran komunikasi yang diamalkan dalam menempuhi alam pekerjaan	3.59	Sederhana
2	Kemahiran dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.	3.91	Tinggi
3	Kemahiran keusahawanan	3.69	Tinggi
4	Kemahiran kepimpinan dalam menempuhi alam pekerjaan.	3.90	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis taburan min keseluruhan bagi tahap Kemahiran Insaniah pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) dalam kerjaya. Hasil analisis keseluruhan menunjukkan bahawa kemahiran yang digunakan oleh pelatih dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 3.91. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mampu menggunakan pelbagai kemahiran dalam menyelesaikan masalah dengan baik. Pelatih yang mengamalkan kemahiran penyelesaian masalah ini turut cenderung dalam membuat keputusan yang bijak.

Seterusnya, kemahiran kepimpinan dalam menempuhi alam pekerjaan menunjukkan bacaan min kedua tertinggi iaitu 3.90. Kemahiran kepimpinan yang ada pada pelatih mampu melahirkan pelatih yang berkualiti dan berketerampilan dalam menempuhi alam pekerjaan di masa akan datang. Nilai min bagi kemahiran yang digunakan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan kemahiran kepimpinan dalam menempuhi alam pekerjaan adalah hampir sama iaitu hanya mempunyai perbezaan 0.01. Manakala kemahiran keusahawanan yang ada pada pelatih mencatatkan min keseluruhan ditempat ketiga iaitu 3.69. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelatih ILP mempunyai pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Nilai min yang menunjukkan bacaan paling rendah ialah kemahiran komunikasi yang diamalkan oleh pelatih dalam menempuhi alam pekerjaan iaitu 3.59 yang boleh dikategorikan dalam kedudukan sederhana. Kemahiran komunikasi ini melibatkan pelatih lebih cenderung terhadap teknik-teknik percakapan dan kemahiran yang ada pada diri mereka apabila bertemu dengan masyarakat luar. Pelatih ini juga mempunyai keinginan yang tinggi dalam memajukan diri mereka ke arah yang lebih baik.

PERBINCANGAN

Bahagian ini tumpuan kepada huraian persoalan kajian yang terpeinci akan dibincangkan. Perbincangan kajian bahagian B ini adalah berdasarkan kajian yang telah dianalisis dalam dapatan kajian. Tumpuan perbincangan secara keseluruhan adalah mengenai tahap Kemahiran Insaniah pelatih Institusi Latihan Perindustrian (ILP) dalam kerjaya. Bagi kemahiran komunikasi Pelatih-pelatih ILP Hulu Langat didapati boleh berbahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan rakan. Ini tidak hairan kerana semua pelatih yang terpilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada majoriti pelatih Melayu. Pernyataan ini disokong oleh Norliza Abd Majid (2009), iaitu kemahiran komunikasi amat penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencapai matlamat yang diharapkan. Kepentingan